



Integrasi Xpats Gateway Memudahcara Kelulusan Ekspatriat, Perkukuh Persekitaran Perniagaan Malaysia

KUALA LUMPUR, 7 Julai 2025 – Hari ini, Negara telah melakar satu lagi pencapaian penting dalam pengurusan ekspatriat dengan pengintegrasian penuh portal MYFutureJobs dan ePPAx ke dalam Xpats Gateway. Langkah ini akan memudahkan proses kelulusan bagi majikan serta mengukuhkan tadbir urus digital negara.

Menteri Sumber Manusia, YB Steven Sim Chee Keong, ketika mengumumkan inisiatif ini berkata bahawa langkah tersebut mencerminkan komitmen Malaysia dalam meningkatkan produktiviti, memperkemas peraturan, dan memudahcara urusan perniagaan.

“Platform Xpats Gateway menyatukan jabatan dan agensi utama di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) untuk mewujudkan sistem yang lebih cekap dan mesra perniagaan,” kata YB Steven Sim. “Dengan memperkemas proses di PERKESO, JTKSM, dan TalentCorp, kita memacu rekayasa penyampaian perkhidmatan awam, meningkatkan produktiviti, serta memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai Negara dengan ekonomi yang berdaya saing serta bersedia menerima pelaburan masuk dalam Negara.”

Dalam majlis yang sama, beliau turut menghargai usaha TalentCorp yang memainkan peranan utama dalam pembangunan dan pengintegrasian platform ini, yang dilaksanakan sepenuhnya secara dalaman.

“Pelaksanaan integrasi platform ini secara dalaman oleh TalentCorp mencerminkan keupayaan bakat sektor awam negara, sambil memastikan data sensitif kekal dilindungi dan ditadbir dalam negara,” tambah beliau.

Menteri Dalam Negeri, YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail berkata, “Xpats Gateway mencerminkan komitmen kami dalam melindungi infrastruktur data negara serta memastikan sumber strategik seperti bakat dan maklumat ditadbir dengan tujuan serta keselamatan nasional.”

“Kerjasama antara Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan KESUMA ini adalah contoh pendekatan kerajaan secara menyeluruh dalam memperkukuh keyakinan pelabur, menegaskan keutamaan negara, dan menyampaikan perkhidmatan awam yang lebih dipercayai dan telus,” tambahnya.

Memenuhi Keperluan Regulasi Utama

Dengan pengintegrasian ini, majikan kini boleh melaksanakan penilaian pasaran buruh melalui MYFutureJobs (PERKESO) dan memenuhi keperluan pemakluman mandatori di bawah Akta Kerja 1955 melalui ePPAx (JTKSM) – semuanya di dalam satu platform iaitu Xpats Gateway. Langkah-langkah awal ini adalah mandatori bagi semua pengambilan ekspatriat tanpa mengira sektor.

Penyelarasan dan Pendigitalan Kerajaan

Xpats Gateway yang telah dilancarkan pada Jun 2023, dibangunkan oleh TalentCorp sebagai platform sehenti bagi mempermudah proses permohonan ekspatriat. Ia menghubungkan 26 agensi pengawalselia dan agensi pelulus Kerajaan. Integrasi MYFutureJobs dan ePPAx, yang mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Julai 2025, menandakan pelaksanaan menyeluruh ekosistem kelulusan ekspatriat digital yang bersifat *end-to-end* di Malaysia.

Sebelum ini, majikan terpaksa berurusan dengan pelbagai sistem yang berasingan dalam setiap proses untuk pengambilan ekspatriat profesional. Kini, melalui integrasi ini, pertindanan proses dihapuskan, tempoh kelulusan dipendekkan, dan ketelusan dipertingkatkan di semua agensi yang terlibat.

Inisiatif ini dilaksanakan dengan kerjasama erat KDN, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan TalentCorp di bawah KESUMA.

Pendekatan yang diambil bagi memperkemas kelulusan tenaga kerja sudah mula menunjukkan kesan dimana. Negara telah melonjak 11 anak tangga dalam Kedudukan Daya Saing Dunia IMD 2025, dipacu dengan peningkatan kecekapan perniagaan dan ketersediaan digital. Xpats Gateway merupakan pemacu utama kepada rangka kerja Ekonomi MADANI, yang menyasarkan Malaysia tersenarai antara 12 ekonomi paling berdaya saing di dunia menjelang 2033.

Untuk maklumat lanjut, layari: www.xpatsgateway.com.my.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

- Ahmad Anis | anis.kamil@talentcorp.com.my | 019-390 5987
- Hajar Umira | umira.zaki@talentcorp.com.my | 018-947 3006

Mengenai Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp)

Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) yang dipertanggungjawabkan untuk memajukan strategi bakat negara Malaysia. TalentCorp bekerjasama dengan pihak berkepentingan dari sektor awam dan swasta bagi menarik, membangun serta mengekalkan bakat yang diperlukan oleh Malaysia, kini dan pada masa hadapan. Bermula Mac 2024, TalentCorp juga berperanan sebagai badan pemikir strategik bagi KESUMA, menyokong pembangunan dasar dan penyelesaian kolaboratif bagi memenuhi keperluan tenaga kerja Malaysia yang sentiasa berkembang.

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai inisiatif TalentCorp, layari www.talentcorp.com.my ataupun ikuti @TalentCorpMsia di media sosial LinkedIn, Twitter, Facebook dan Instagram.